

MT Umno tidak bincang pemecatan 7 pemimpin dikaitkan masalah disiplin
Malaysian Insider
Nov 24, 2015

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini menumpukan kepada usaha mengukuhkan hala tuju perjuangan parti selain membincangkan langkah-langkah bagi mengukuhkan parti, dan bukannya mengenai pemecatan 7 pemimpin utama parti yang dikaitkan dengan masalah disiplin.

Beberapa ahli MT berkata mesyuarat kira-kira sejam setengah itu membincangkan mengenai persediaan parti mengadakan Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur pada 8 hingga 12 Disember depan.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata mesyuarat MT itu, yang dipengerusikan Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak, berjalan dengan lancar dalam suasana yang tenang.

"Semuanya baik... dan saya teruja untuk menghadiri Perhimpunan Agung Umno ke-69 bulan depan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat itu di Bangunan Sementara Parlimen di Kuala Lumpur.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berkata mesyuarat itu turut membincangkan pelbagai isu berkaitan parti, yang menjadi parti harapan rakyat khususnya masyarakat Melayu di negara ini.

"Umno sebagai parti wadah perjuangan orang Melayu... (mereka) melihat Umno sebagai nadi perjuangan mereka," katanya.

Justeru itu, beliau berpendapat mesyuarat yang dipengerusikan itu sebagai perkara biasa bagi membincangkan hal-hal berkaitan parti.

Ahli MT Datuk Johari Ghani pula menyatakan rasa puas hatinya terhadap kandungan perbincangan mesyuarat itu.

"Khabar angin yang disebarkan tentang pemecatan 7 ahli adalah tidak benar dan ia tidak dibincangkan sama sekali," katanya.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahalan berkata perkara-perkara yang diputuskan di dalam mesyuarat itu adalah jalan terbaik bagi mengukuhkan parti itu.

Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Adnan berkata pihaknya akan mengeluarkan kenyataan mengenai mesyuarat itu. – Bernama, 24 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mt-umno-tidak-bincang-pemecatan-7-pemimpin-dikaitkan-masalah-disiplin>